


Oleh Presiden  
**Henry B. Eyring**  
Penasihat Pertama dalam  
Presidensi Utama



# Keluarga dan Doa

Suatu kali, ketika saya duduk di tepi katil bapa sepanjang malam, dia menceritakan tentang zaman kanak-kanaknya. Dia bercakap mengenai kasih sayang ibu bapanya dalam masa kesusahan dan kasih sayang Bapa Syurgawi dan Juruselamat. Saya tahu dia sedang menderita penyakit kanser, jadi saya tidak hairan apabila dia mengelirukan perasaannya terhadap Bapa Syurgawi dengan kasih sayang dan kebaikan hati bapa duniawinya. Bapa saya selalu berkata bahawa apabila dia berdoa, dia dapat melihat senyuman Bapa Syurgawi dalam mindanya.

Ibu bapanya telah mengajar melalui teladan untuk berdoa bagaikan dia berbicara dengan Tuhan dan Tuhan akan menjawabnya dengan kasih sayang. Dia memerlukan teladan itu sampai akhir. Apabila kesakitannya menjadi semakin hebat, kami mendapati dia melutut di tepi katil pada masa pagi. Dia telah menjadi terlalu lemah untuk kembali ke atas katilnya. Dia memberitahu kami bahawa dia telah berdoa untuk menanya Bapa Syurgawi mengapa dia harus menderita dengan teruk walaupun dia sentiasa cuba untuk melakukan kebaikan. Dia berkata satu jawapan yang lembut datang: “Tuhan memerlukan putera-putera yang berani.”

Jadi dia meneruskan perjuangannya sampai akhir, mempercayai bahawa Tuhan menyayangi, mendengar, dan akan mengangkatnya. Dia telah diberkati untuk mengetahui dari awal dan tidak melupakan bahawa Tuhan berhampiran sentiasa dan dia hanya perlu berdoa.

Itulah sebab Tuhan mengajar para ibu bapa, “Dan mereka hendaknya juga mengajari anak-anak mereka untuk

berdoa, dan untuk berjalan dengan lurus di hadapan Tuhan” (A&P 68:28).

Injil Yesus Kristus telah dipulihkan—bersama Kitab Mormon dan semua kunci imamat yang boleh mengikat keluarga—kerana Joseph Smith berdoa ketika dia seorang budak. Dia memperoleh iman itu dari sebuah keluarga yang penuh kasih dan beriman.

Dua puluh tahun yang lalu Tuhan telah memberi keluarga nasihat ini dalam “Keluarga: Satu Perisytiharan Kepada Dunia” dari Presidensi Utama dan Kuorum Dua Belas Rasul: “Perkahwinan-perkahwinan dan keluarga-keluarga yang berjaya didirikan dan dikekalkan atas asas-asas iman, doa, pertaubatan, pengampunan, hormat, kasih sayang, belas kasihan, kerja, dan kegiatan rekreasi yang baik dan sihat.”<sup>1</sup>

Kita sangat terhutang budi kepada keluarga nabi Joseph Smith ke atas asuhannya. Keluarganya bukan sahaja memberi contoh keimanan dan doa tetapi juga pertaubatan, pengampunan, hormat, kasih sayang, belas kasihan, bekerja dan kegiatan rekreasi yang baik dan sihat.

Keturunan kamu mungkin akan berkata kamu diberkati kerana teladan doa dalam keluarga kamu. Kamu mungkin tidak akan membesarkan seorang hamba Tuhan yang hebat, tetapi doa dan teladan keimanan kamu akan menolong Tuhan Yesus Kristus untuk membesarkan para pengikut yang baik dan yang disayangi.

Dari segala yang kamu boleh pilih untuk menolong Tuhan, doalah pusatnya. Terdapatnya orang yang sederhana, tetapi apabila mereka berdoa, mereka

mengilhamkan orang lain untuk membuka mata dan melihat siapa yang berada di situ. Kamu boleh menjadi orang sebegitu.

Tenungkanlah ertinya kepada mereka yang berlutut bersama kamu dalam doa keluarga. Apabila mereka merasai keimanan kamu ketika berdoa kepada Tuhan, iman mereka untuk berdoa kepada Tuhan juga akan bertambah. Apabila kamu mengucapkan doa kesyukuran kepada Tuhan untuk berkat yang telah diperoleh, keimanan mereka terhadap kasih sayang Tuhan akan bertambah, dan kerana Dia menjawab doa kamu dan Dia akan menjawab doa mereka juga. Ini hanya boleh berlaku dalam doa keluarga jika kamu telah mempunyai pengalaman tersebut dari masa ke masa dalam doa peribadi.

Saya masih diberkati oleh seorang bapa dan seorang ibu yang berdoa kepada Tuhan. Teladan mereka berkenaan dengan kuasa doa keluarga masih tetap memberkati generasi-generasi yang datang selepas mereka.

Anak-anak dan cucu-cucu saya diberkati setiap hari oleh teladan ibu bapa saya. Mereka telahpun mewarisi iman berkenaan seorang Tuhan penyayang yang mendengar dan menjawab doa. Kamu juga boleh mencipta pusaka sebegini dalam keluarga kamu. Saya doakan kamu akan berbuat demikian.

#### NOTA

1. "Keluarga: Satu Pengisytiharan kepada Dunia," *Liahona*, Nov.2010, 129.

### RAYAKAN ULANG TAHUN KE-20 PERISYTIHARAN KELUARGA

"Keluarga: Suatu Perisytiharan Kepada Dunia" mengajarkan prinsip-prinsip yang bersesuaian untuk hari ini sepertimana ketika ia dikeluarkan pada 23 September 1995. Pertimbangkan untuk menjemput individu atau keluarga diajar untuk meraikan ulang tahun ke-20 perisytiharan ini dengan:

1. Senaraikan prinsip-prinsip dalam perisytiharan yang penting bagi mereka. (Lihat bagaimana Presiden Eyring telah berbuat demikian dalam doa dari pesanan di atas.)
2. Membincangkan bagaimana setiap prinsip itu boleh memberkati mereka sekarang dan masa depan.
3. Menetapkan matlamat khusus untuk menggabungkan prinsip-prinsip itu dalam kehidupan mereka dan untuk mengongsikannya dengan orang lain.

## REMAJA

### Berusaha untuk Berdoa

Presiden Eyring mengajar bahawa keluarga kamu boleh diberkati melalui perhubungan erat bersama Bapa Syurgawi. Kamu boleh memperbaiki perhubungan bersama Dia dengan memperbaiki doa kamu! Berikut adalah beberapa idea untuk berbuat demikian:

Sebelum memulakan doa, ambil masa untuk merenungkan perkara yang kamu ingin ucapkan. Pertimbangkan soalan-soalan yang kamu mungkin ada atau perkara-perkara yang mengganggu kamu—kamu boleh catatkannya supaya tidak dilupai. Gunakan masa ini untuk menenangkan minda dari kesibukan harian supaya kamu boleh menumpukan perhatian kepada pengaruh halus Roh Kudus. Jika minda kamu sering merayau ketika berdoa, cuba gambarkan Bapa Syurgawi sedang mendengar. Berdoa dengan khusus. Juga, ambil beberapa minit pada akhir doa kamu untuk mendengar bisikan Roh. Kamu boleh catatkan pengaruh yang diperoleh dalam jurnal.

Ingatlah bahawa doa adalah suatu pekerjaan, jangan risau jika kamu memerlukan lebih banyak latihan atau tampak susah! Usaha kamu untuk berdoa akan membantu membentuk satu perhubungan dengan Tuhan yang akan memberkati banyak generasi.

## KANAK-KANAK

### Satu Peringatan Doa

Presiden Eyring mengajar bahawa adalah penting untuk berdoa bersama keluarga kamu. Kamu boleh menjadi teladan kepada keluarga dengan berdoa setiap hari. Kamu juga boleh mengingatkan keluarga untuk berdoa bersama setiap hari. Ingatlah petikan ini dari satu ucapan oleh Presiden Eyring: "Bapa Syurgawi mendengar doa kamu. Dia menyayangi kamu. Dia tahu nama kamu" ("*Continuing Revelation*," *Liahona*, Nov. 2014, 73). Tuliskan petikan ini pada satu keping kad atau kertas dan letak di mana seluruh keluarga kamu akan nampak. Dengan cara ini, kamu boleh selalu ingat bahawa Bapa Syurgawi ingin mendengar dari kamu!

© 2015 oleh Intellectual Reserve, Inc. Semua hak terpelihara. Dicitak di Amerika Syarikat. Kelulusan Bahasa Inggeris: 6/14. Kelulusan penterjemahan: 6/14. Penterjemahan *First Presidency Message, September 2015*. Malay. 12589 348



# Sifat-sifat Ilahi Yesus Kristus: Berkuasa dan Penuh Kemuliaan

*Kaji bahan pengajaran ini dan berdoa untuk mengetahui apa yang harus dikongsikan. Bagaimana pemahaman tentang sifat-sifat ilahi Juruselamat akan meningkatkan iman kamu kepada-Nya dan memberkati mereka yang kamu awasi melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari [reliefsociety.lds.org](http://reliefsociety.lds.org).*

*Ini sebahagian daripada siri-siri Pesanan Pengajaran Berkunjung berkenaan sifat-sifat ilahi Juruselamat.*

Kitab suci mengajar kita bahawa Yesus Kristus “menerima segala kuasa, baik di dalam syurga maupun di atas bumi, dan kemuliaan Bapa ada bersama-Nya” (A&P 93:17). Elder M. Russell Ballard dari Kuorum Dua Belas Rasul berkata bahawa dengan kuasa ini Juruselamat kita telah menciptakan syurga dan bumi, melaksanakan mukjizat, dan menahan kesakitan di Getsemani dan Kalvari.<sup>1</sup> Apabila kita mula memahami ini, iman kita terhadap Kristus akan meningkat, dan kita akan menjadi lebih kuat.

Apabila kita membuat dan memegang perjanjian-perjanjian bait suci, Tuhan memberkati kita dengan kuasa-Nya. Linda K. Burton, presiden umum Lembaga Pertolongan, berkata: “Memegang kepada perjanjian memperkuat, memperkuasakan, dan melindungi. . . . Baru-baru ini saya bertemu seorang rakan baru. Dia bersaksi bahawa setelah menerima anugerahan bait suci, dia

merasakan diri diperkuatkan dengan kuasa untuk menahan godaan.”<sup>2</sup>

Nefi bersaksi tentang kuasa perjanjian: “Aku, Nefi, nampak kuasa anak Domba Tuhan, bahawa ia turun . . . ke atas umat perjanjian Tuhan, . . . dan mereka disenjatai dengan kesolehan dan dengan kuasa Tuhan dalam kemuliaan yang agung” (1 Nefi 14:14).

## **Ayat-ayat Suci Tambahan**

Yeremia 51:15; Wahyu 1:6;  
Yakub 4:6–7; Mosia 3:17

## **Dari Tulisan Suci**

Oleh kerana perasaan belas kasihan terhadap Marta dan Maria, Yesus Kristus telah membangkitkan saudara mereka Lazarus dari kubur dengan kuasa Tuhan yang Dia miliki.

Yesus sampai ke rumah Marta dan Maria empat hari selepas Lazarus meninggal dunia. Mereka pergi ke kubur Lazarus, dan Yesus memerintahkan agar batu yang menutupi kubur itu dialihkan. Yesus berkata kepada Marta, “Tidakkah Aku berkata kepadamu: Jika kamu

percaya, kamu boleh melihat betapa besarnya kuasa Tuhan?” Kemudian dia berdoa kepada Tuhan Bapa dan “Dia berseru dengan suara kuat, Lazarus, keluar!

“Lazarus pun keluar. Tangan dan kakinya masih berbalut dengan kain kafan dan mukanya tertutup dengan kain penutup muka.” (Lihat Yohanes 11:1–45.) Juruselamat menggunakan kuasa-Nya untuk menebus dan memberi kuasa kepada kita. Iman kita kepada Dia akan meningkat apabila kita ingat bahawa Dia dipenuhi kuasa dan kemuliaan.

## **NOTA-NOTA**

1. Lihat M. Russell Ballard, “This Is My Work and My Glory,” *Liahona*, Mei 2013, 18.
2. Linda K. Burton, “The Power, Joy, and Love of Covenant Keeping,” *Liahona*, Nov. 2013, 111.

## **Pertimbangkan Ini**

Bagaimana kuasa Tuhan mensenjatakan kita dengan kuasa dan kemuliaan?